

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) bilangan banduan akhir setakat ini mengikut pecahan kewarganegaraan/etnik bagi warganegara, jenis tuduhan, jantina, umur dan bilangan tahun sebagai banduan akhir; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori bagi kesalahan di bawah hukuman gantung mandatori dan bagaimanakah Kerajaan berhasrat untuk memperbaiki "*criminal justice system*" di negara Malaysia.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Statistik Jabatan Penjara Malaysia, sehingga 30 Jun 2020 terdapat seramai 1,314 orang banduan iaitu 1,182 banduan lelaki dan 132 banduan wanita yang telah dijatuhkan hukuman mati atas pelbagai kesalahan. Daripada jumlah tersebut, seramai 775 orang banduan akhir merupakan

warganegara Malaysia manakala selebihnya seramai 539 merupakan banduan warganegara asing.

Daripada jumlah 775 orang banduan warganegara Malaysia yang dijatuhkan hukuman mati, berikut adalah perincian bilangan banduan dan kesalahan yang dilakukan:

- (i) 61% atau 476 orang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*];
- (ii) 36% atau 279 orang melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan;
- (iii) 1.9% atau 15 orang melakukan kesalahan di bawah seksyen 3 dan 7 Akta Senjata 1960 [*Akta 206*]; dan
- (iv) 0.4% atau 4 orang disabitkan di bawah seksyen 3 Akta Culik [*Akta 365*]; dan
- (v) 0.3% atau 2 orang disabitkan di bawah seksyen 396 Kanun Keseksaan.

Mengikut pecahan kaum pula ialah seramai 368 atau 47.4% merupakan banduan Melayu, 198 atau 25.6% banduan India, 22.3% atau 173 orang banduan Cina dan selebihnya seramai 36 orang atau 4.7% terdiri daripada lain-lain kaum.

Manakala bagi banduan warganegara asing, daripada seramai 539 orang banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati, 83.3% atau 449 orang banduan telah disabitkan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 14.7% atau 79 orang banduan yang disabitkan bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan selebihnya seramai 11 orang atau 2% disabitkan di bawah lain-lain kesalahan.

Dalam hal ini, banduan Nigeria mendahului dengan bilangan tertinggi seramai 111 orang yang semuanya disabitkan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya. Ini diikuti dengan banduan Iran seramai 89 orang dengan semuanya turut disabitkan kesalahan di bawah Akta yang sama dan 80 orang banduan Indonesia dengan 54 orang disabitkan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 23 banduan disabitkan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan

NO. SOALAN : 44

masing-masing seorang banduan dihukum di bawah seksyen 3 dan 7 Akta Senjata 1960 dan 2 orang banduan di bawah seksyen 3 Akta Culik.

Dari segi umur, secara umumnya 42.8% atau 562 orang banduan akhir ini berumur 31 hingga 40 tahun, 25.9% atau 340 orang banduan berumur 41 hingga 50 tahun dan 22.5% atau 296 orang banduan berumur 20 hingga 30 tahun. Selebihnya sebanyak 8.8% atau 116 orang banduan berumur 50 tahun dan ke atas.

(b) Berkaitan perancangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori, Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas yang dilantik bagi tempoh tempoh 4 bulan bermula 20 September 2019 hingga 31 Januari 2020. Kajian tersebut antara lainnya telah menyemak dan meneliti polisi penghukuman (*sentencing policy*) bagi menggantikan hukuman mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Selain daripada syor-syor hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori, laporan akhir kajian tersebut turut mengandungi syor penambahbaikan kepada "*criminal justice system*" negara untuk jangka masa panjang. Laporan akhir ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk sebarang ketetapan dasar Kerajaan berkaitan perkara ini.

Sekian, terima kasih.